



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI BIL. 6/2019

YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah mempengerusikan mesyuarat ke-6 Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council* (EAC) di Putrajaya pada hari ini.

Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi tanpa menjejaskan disiplin fiskal. Sehubungan itu, mesyuarat EAC yang bersidang pada hari ini telah mendengar pembentangan daripada Kumpulan Bank Dunia (Kuala Lumpur) berhubung keperluan membina dasar fiskal yang mampan untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Dasar fiskal adalah instrumen penting untuk mencapai pertumbuhan inklusif. Perbincangan turut menyentuh aspek dasar cukai yang progresif untuk menjana pendapatan optimum dan dasar insentif yang merangsang aktiviti pelaburan.

Seiring dengan usaha Kerajaan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi, EAC turut membincangkan cadangan semakan semula syarat semasa berhubung dengan penggajian pekerja asing dalam sektor pembuatan. Negara akan memastikan bahawa peluang pekerjaan diberi keutamaan kepada rakyat Malaysia selaras dengan strategi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, khususnya dalam sektor yang berpotensi untuk meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dan automasi.

Langkah untuk merancang dan memberi fokus baharu kepada sektor perindustrian negara juga turut diberi perhatian. Terdapat keperluan untuk negara mengukuhkan sektor perindustrian dengan memanfaatkan *comparative advantage* negara.

Selain itu, mesyuarat hari ini juga telah memperhalusi aspek-aspek pembiayaan bagi Program Sarapan Pagi (PSP) kepada semua murid sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama sektor swasta. Hasil pelaksanaan *pilot study* oleh KPM telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan iaitu antara lainnya, kadar kehadiran murid telah meningkat, membantu menerap semangat menabung di kalangan murid, memberi peluang kepada murid untuk membentuk kemahiran sosial dan interaksi, menyemai nilai murni dan membentuk tabiat pemakanan yang baik.

Kemakmuran hidup rakyat sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan dengan memastikan elemen kesaksamaan keberhasilan diterapkan dalam perancangan masa depan pembangunan Malaysia, seperti yang telah digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

**Urus Setia
Majlis Tindakan Ekonomi (EAC)
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

7 Oktober 2019